

Salah satu sifat kesempurnaan Allah SWT iaitu baik dan suka kepada sesuatu yang sempurna. Allah SWT tidak menerima suatu keyakinan, ucapan dan perbuatan kecuai yang sempurna dan baik.

Ibadah solat merangkumi kepercayaan, ucapan dan perbuatan.

10 SEBAB SOLAT TIDAK DITERIMA

1. Lelaki yang solat sendirian tanpa membaca sesuatu, walau surah Al-fatihah.
2. Lelaki yang mengerjakan solat tetapi tidak mengeluarkan zakat.
3. Lelaki yang menjadi imam, padahal orang yang menjadi makmum membencinya.
4. Lelaki yang melarikan diri dari medan perang.
5. Lelaki yang minum arak tanpa mahu bertaubat.
6. Perempuan yang suaminya marah kepadanya solat tanpa redha suami.
7. Perempuan yang mengerjakan solat tanpa menutup aurat.
8. Pemimpin yang sombong dan zalim.
9. Orang-orang yang suka makan riba tanpa rasa berdosa.
10. Orang yang solat tetapi tidak dapat menahannya dari melakukan perbuatan yang mungkar.

Diantara punca solat yang tidak diterima oleh Allah SWT juga :
Melabuhkan pakaian bagi lelaki dan sujud seperti **sujud anjing**.

SEMOGA SOLAT MEMBAWA KITA KE SYURGA ALLAH SWT

Ada neraka di celanamu

Dari Abu Hurairah bahwasanya Nabi ﷺ bersabda:
"Kain (celana) yang berada di bawah mata kaki itu berada di neraka"
HR. Bukhari 5787

Larangan Isbal

Nabi shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda:
"Kain yang panjangnya di bawah mata kaki tempatnya adalah neraka" [HR. Bukhari 5787]

dalam hadits lain Rasulullah bersabda;
"Naikan kain sarungmu sampai **pertengahan betis**. Kalau engkau enggan, maka sampai **mata kaki**. Jauhilah **isbal** dalam memakai kain sarung. Karena **isbal** itu adalah kesombong. Dan Allah tidak menyukai kesombongan" [HSR. Abu Daud 4084]

SUJUD SEPERTI ANJING

JANGAN SUJUD SEPERTI ANJING

Dari Anas bin Malik, Nabi SAW bersabda,
"Seimbanglah di dalam sujud, dan janganlah seseorang dari kamu menghamparkan kedua lengannya sebagaimana terhamparnya (kaki) anjing".

[HR Bukhari no. 822 dan Muslim no. 493]

Semoga bermanfaat.



10 Sebab Solat tidak diterima Allah SWT

JABATAN INTEGRITI DAN PEMATUHAN STANDARD

IPK KELANTAN

SILA AMBIL PERCUMA



HANTARKAN PANDANGAN ANDA MELALUI :

jakimmalaysia90@gmail.com

UNIT DAKWAH DAN PENERBITAN

10 Sebab Solat tidak diterima Allah SWT



Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Solat tidak diterima oleh Allah SWT. Takut bila kita mendengarnya.

Manakan tidak takut, solat adalah tiang agama dan merupakan ibadah yang pertama

disyariatkan dan yang paling akhir sekali ditinggalkan oleh manusia.

Solat merupakan ibadah yang sangat penting, istimewa dan unik. Jika solat tidak diterima oleh Allah, habislah kita.

Solat secara langsung dapat menghubungkan hamba dengan penciptanya. Dari segi amalan ibadah, solat dipenuhi dengan sebutan takbir, tahmid dan zikir. Tanpa solat nescaya sia-sia ibadah kita yang lain.

Solat merupakan ibadah yang ringan dan mampu dikerjakan oleh setiap orang. Ringan atau beratnya ibadah solat bergantung kepada tahap keimanan seseorang. Semakin beriman seseorang itu semakin mudahlah ia melakukannya.

Sebagai contoh, solat subuh amatlah sukar untuk seseorang bangun dari tidur tambahan dalam keadaan kesejukan.

Bagi mereka yang mempunyai keimanan yang mantap, mereka akan bangun dan menyempurnakan solat subuh.

Orang yang meninggalkan solat fardhu adalah amat buruk dan sangat keji sekali, malaha terlebih keji daripada Iblis. Ini kerana Iblis hanya enggan sujud kepada nabi Adam a.s. yang merupakan makhluk, tetapi orang yang meninggalkan solat adalah seorang yang enggan bersujud kepada Allah s.w.t yang merupakan Khaliq (pencipta).

Allah s.w.t telah menceritakan di dalam al-Quran, bahawa ahli syurga (Ashabul Yamiin) telah bertanya kepada penghuni neraka, yang bermaksud:

Orang yang meninggalkan solat fardhu adalah amat buruk dan sangat keji sekali, malaha terlebih keji daripada Iblis. Ini kerana Iblis hanya enggan sujud kepada nabi Adam a.s. yang merupakan makhluk, tetapi orang yang meninggalkan solat adalah seorang yang enggan bersujud kepada Allah S.W.T yang merupakan Khaliq (pencipta).

Allah s.w.t telah menceritakan di dalam al-Quran, bahawa ahli syurga (Ashabul Yamiin) telah bertanya kepada penghuni neraka, yang bermaksud:

“Apakah yang menyebabkan kamu masuk ke dalam neraka?”
Mereka menjawab:

“Kami dahulu bukan daripada golongan orang-orang yang bersolat.”

Sesungguhnya ganjaran solat sangatlah besar. Ibadah ini dapat membantu menyelamatkan manusia daripada azab akhirat.

Solat juga dapat menghilangkan kegelisahan, mendatangkan ketenteraman, ketenangan dan kebahagiaan.

Dalam hadis dan pelbagai pendapat ulama menyebutkan bahawa solat dapat membantu memakbulkan doa seseorang.

Sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud:

“Sesiapa yang menjaga solat, maka solat itu adalah cahaya baginya, petunjuk dan jalan selamat dan sesiapa yang tidak menjaganya, maka sesungguhnya solat itu tidak menjadi cahaya, dan tidak juga menjadi petunjuk dan jalan selamat baginya.”

Sabda Rasulullah S.A.W yang bermaksud:

“Barang siapa yang solatnya itu tidak dapat menahannya dari melakukan perbuatan keji dan mungkar, maka sesungguhnya solatnya itu hanya menambahkan kemurkaan Allah S.W.T dan jauh dari Allah.”

رَبِّ اجْعَلْنِي مُقِيمَ الصَّلَاةِ وَمِنْ ذُرِّيَّتِي

“Wahai Tuhanku! Jadikanlah daku orang yang mendirikan solat dan demikianlah juga zuriat keturunanku.

(Surah Ibrahim ayat : 40)